

**DEMOKRASI DAN NAJIB**  
**Chedet.cc**  
**19 March 2016**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Diwaktu UMNO ditubuh, pemimpin dan ahli UMNO pada ketika itu pilih demokrasi sebagai sistem pentadbiran parti dan juga negara.
2. Diantara sebab demokrasi dipilih ialah kerana demokrasi mempermudah pemilihan pemimpin dan penukaran pemimpin dalam parti dan negara.
3. Hanya dengan undi ahli sahaja pemimpin boleh dijatuhkan atau dinaikkan.
4. Demikian apabila Dato Onn mencadang membuka parti kepada semua rakyat Malaya, UMNO tolak. Dengan itu Dato Onn letak jawatan dan Tunku dipilih untuk menggantinya. Tidak ada percubaan oleh Dato Onn sebagai Yang Dipertua UMNO memaksa UMNO mengekalkan dirinya.
5. Kemudian selepas mencapai prestasi yang kurang baik dalam PRU 1969, Tunku, apabila sedar dirinya tidak popular lagi menyerah kepimpinan UMNO kepada timbalannya Tun Razak walaupun Tunku khawatir akan kesetiaan Tun. Tunku letak jawatan dan peralihan kepimpinan UMNO berlaku tanpa masalah.
6. Pada tahun 1987 Tengku Razaleigh dan Musa Hitam mencabar saya sebagai Presiden parti. Kempen bebas dilakukan oleh kedua-dua pihak. Tidak ada siapa yang dipecat. Ada menteri yang memihak kepada Team B. Mereka bebas berkempen diseluruh negara. Tidak ada arahan menyekat pemimpin Team B berjumpa dengan bahagian, cawangan atau ahli UMNO. Tidak ada apa-apa ugutan untuk dibuang dari parti. Tiada siapa yang dibuang dari parti atau disoal oleh polis.
7. Pengundian dibuat secara bebas semasa mesyuarat agung parti. Semua pemimpin dan ahli mengundi secara sulit.
8. Hasilnya saya menang hanya 43 undi dan Encik Ghaffar Baba 41 undi walaupun 80% dari bahagian-bahagian mencalonkan kami berdua.
9. Selepas itu kabinet disusun semula dan beberapa menteri dari Team B diterima masuk kabinet.
10. Tengku Razaleigh membawa kes ke mahkamah dan UMNO hilang kesahihannya dan didakwa haram.
11. Dalam menyusun semula ahli-ahli UMNO bebas untuk kembali kepada UMNO atau menyertai Parti Semangat 46.
12. Demikian juga apabila prestasi Tun Abdullah kurang baik, Najib dapat mempengaruhi Abdullah supaya bersara dan menyerah jawatan Presiden kepadanya. Peralihan berlaku tanpa sesiapa digugur daripada UMNO atau letak jawatan.
13. Semua peralihan kepimpinan UMNO berjalan dengan licin dan demokratik. Sepatutnya Najib juga harus guna cara ini dan membenar suara ahli didengari, perbahasan diadakan secara bebas berkenaan prestasinya.

14. Tetapi tidak.

15. Najib bertindak keras dan mengguna kuasa sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri untuk menghalang sesiapa yang cuba mempengaruhi kedudukannya.

16. Sesiapa yang menegurnya disingkir dari UMNO. Ada yang disoal oleh polis, dimasuk dalam tahanan, dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan yang tidak berasas, kononnya mereka 'terrorist', pengganas.

17. Dalam Mesyuarat Agung UMNO pada bulan Disember 2015 jumlah pemerhati dihadkan. Wakil tidak dibenar bercakap berkenaan 1MDB dan wang sebanyak 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadi Najib.

18. Sepatutnya Timbalan Presiden menyampaikan ucapan pembukaan bagi persidangan pemuda, wanita dan puteri. Tetapi Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin, tidak dibenar.

19. Hanya Najib seorang sahaja yang berucap dalam pembukaan dan penutupan.

20. Tidak ada perbahasan yang serius sepanjang persidangan.

21. Dengan tindakan-tindakan ini ahli dan pemimpin UMNO hilang suara kerana takut. Timbalan Presiden dilucutkan jawatan tanpa melalui proses pemecatan dari parti.

22. Ketua-ketua bahagian diarah oleh Najib supaya tidak bincang berkenaan 1MDB dan Ringgit 2.6 billion dalam akaun peribadinya. Hanya penjelasan Najib bahawa duit itu adalah derma dari orang Arab yang ketua bahagian mesti terima.

23. Diperingkat Kerajaan pula perpisahan kuasa antara badan perundangan, pentadbiran dan badan kehakiman sudah diketepikan oleh Najib. Semua kuasa dirampas oleh Najib. Dengan ini pentadbiran termasuk polis dan institusi kehakiman tidak lagi bebas untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Najib mengarah semua gerak-geri mereka. Mereka terpaksa ikut arahnya supaya menolak sebarang siasatan terhadap dirinya.

24. Yang jelas ialah jentera parti dan jentera Kerajaan sudah lumpuh dan tidak berfungsi lagi. Rakyat dan ahli parti sudah hilang hak untuk mendapat perlindungan dari parti atau Kerajaan, hak untuk menaik dan menurun pemimpin. Majoriti ahli parti berada dalam ketakutan atau terlalu selesa dengan layanan yang diberi oleh Najib.

25. Sebab itulah tindakan diluar parti terpaksa diadakan.

26. Jika ramai ahli-ahli UMNO berani menolak Najib melalui suara ramai, kerjasama dengan parti lawan semata-mata untuk penyingkiran Najib dan tidak untuk lain, tidak perlu dibuat.

27. Parti lawan juga ingin menyingkir Najib bukan kerana mereka bersetuju dengan pendirian bekas-bekas pemimpin parti Kerajaan tetapi kerana mereka sedar akan kerosakan kepada negara dan jentera pentadbiran yang sedang dilakukan oleh Najib yang juga mempunyai kesan buruk kepada mereka.

28. Oleh kerana ini mereka juga berpendapat Najib perlu disingkir. Pendapat mereka adalah sama dengan pendapat bekas pemimpin UMNO dan kebanyakan rakyat.

29. Oleh kerana kongkongan UMNO dan ahli-ahlinya oleh Najib dan mereka sendiri tidak mampu membuat apa-apa, maka suara rakyat, diluar UMNO, termasuk suara parti lawan perlulah digabung untuk memberi kekuatan dan kejayaan kepada usaha menyingkir Najib.

30. Najib akan main isu Kit Siang dengan saya supaya ahli UMNO terpesong dari tujuan Deklarasi Rakyat sepertimana ia memesong demonstrasi Bersih yang bertujuan menjatuhkannya kepada kononnya demonstrasi Bersih adalah percubaan orang Cina untuk menjatuh Kerajaan Melayu dan baju merah pun berdemonstrasi melawan Cina.

229 thoughts on "DEMOKRASI DAN NAJIB"



1. [Log in to Reply HouseWife](#) Mar 29, 2016 1:53 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, before the government of today says everything is fine, and now they say the country's economy is uncertain, so it is wise for them to slap the people with gst and other taxes and happily claimed they have succeeded in making its coffers full and now free to spend. Exactly where has all the country's money gone to? The ex KM of Sarawak lives so lavishly so why is Sarawak still underdevelop or lagging behind as claimed by DSN? DSN is pouring in huge amounts to gain the Sarawakians' votes. He does know how to create money, doesn't he Tun.

The reason DSN's mishandling of the economy is making the country's coffers disappearing fast. This is a grave concern to the people. So he thinks it is wise and fair for the people to bear the burden out of his recklessness. He, therefore slapped the people at all levels with gst and stripped away subsidies owed to them. And he got the nerve to claim sweet gratefulness from the benefits received...from the people's blood, sweat and tears. We shouldn't be in this state, if DSN and gang had not mishandled the country's economy. This is not a good government for the people.

After any PRUs why can't all parties put aside their differences and work together to bring peace, harmony and stability to the country. Isn't that's why we have elected MPs and ADUNs, the smartest among the smart together help steer this country to its greatest heights? Why labelling each other, 'you are my enemy for life'? These are the kind of politicians that create headaches to the people. The people become the victims and get entangled in their own political-made wars. Our elected representatives are too busy fighting over each other to take care of us. We will never be as one if we go on like this. We are peace loving Malaysians but the politicians and the men in power make us otherwise. But what Tun has started is phenomenal. Tun managed to gather and unite all parties into one, as citizens of Malaysia to realise the people's hope for a true Malaysian country. Could they or anyone else do what Tun has done? Tun, you are a brave wise old man with great karisma.

Tun, forget about their spin-offs. The people now understand better than them. Unfortunately, DSN's followers are still degil to understand the whole issues created and manufactured by DSN and his unwise advisers, or they are pretending to play deaf and dumb. Can't they get through their heads and understand the whole issues...it is about the abuse of power, the lies and the mega corruptions involving DSN? If DSN says they are all lies to defame him then be brave enough and not hide, go ahead sue all the informants, or better still face Tun and the people and tell the whole truth or the untruth.

Tun, looking at the mess in KBS, it is not only the RM100million spent unjustified, but there are millions and millions more questionable spendings in KBS since 2009. There have been issues linked to unjustified spendings in KBS like the Brickendonbury project, the Champions Youth Cup, the Women's in Sports programme and more. These were failures which cost the NSC's coffers to bleed. And what about the disappearing of RM3.8million Paralympians 3 years ago? Why is the government institutions keeping all in a secret? The irony is that the former KBS ministers are still holding other ministerial posts in the government of today. Any new ministers taking over should not play deaf and dumb. Everyone of them should take responsibility and korek the dirt and do house-cleaning. Will the government of today or any of her institutions ever stop doing blatant mismanagement of the people's money and abuse people's trust?

Tun, never stop them from 'tak senang duduk'. Who knows what else DSN and gang will do to crumble the country in the next 2 years. Are we willing to wait and see? Only Allah knows best. May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you wealth in health, happiness and knowledge. And Thank you Tun.

2.  [Log in to Reply tok jangut](#) Mar 29,2016 11:21 AM

You can watch State of Fear : Murder and Money in Malaysia at

<http://www.abc.net.au/4corners/stories/2016/03/28/4431284.htm>

I am very angry with them for insulting Najib. Najib must sue. He should win. The Australian judges are not that fond of the press or tv news report.

Onward, Najib.

3.  [Log in to Reply tok jangut](#) Mar 29,2016 10:23 AM

to faridina

Yes, in principle, I have no problem to sponsor the litigation. I am sure Najib will win hands down. Unfortunately, UK laws do not permit me to sponsor litigation. I am still bound by English laws.

Since you are not bound by such impediment, why do you sponsor him?

I am sure he does not need any financial help if you people are to be believed.

I can, of course, give a name of famous Australian who is an English QC, who specializes in law of defamation and who is well known in the Commonwealth.

I still exhort PM DS Najib to sue ABC quickly. The Australian Govt has cut funding to ABC. So the earlier he sues, the better chance he will be paid. Onward Najib. I believe in you.

4.  [Log in to Reply pakpandir08](#) Mar 29, 2016 9:37 AM

Kepada saudara Hajar,

Bandinglah dahulu dan sekarang, dengan komen-komen kamu yang lama:

(A) Dulu katakan orang meperlekehkan undang-undang. Sekarang perbuatan kamu yang sama menjadi pula berjuang untuk bangsa & negara? Kamu boleh report polis sahaja sekiranya rasakan pemimpin korup, bukannya tuduh atas blog

<http://chedet.cc/?p=770>

3. Saya sarankan supaya Kerajaan lebih tegas terhadap Pembangkang dan pengikut mereka terutama terhadap mereka yang melanggar undang-undang dan yang memperlekeh undang-undang & Perlembagaan Negara supaya rakyat (majority) akan lebih yakin terhadap Kerajaan BN.

(B) Dulu katakan orang provoke dan menghasut. Sekarang kerja kamu semua ini bukankah sama dengan provokasi dan menghasut?

<http://chedet.cc/?p=535>

3. Namun di Malaysia, pihak Kerajaan sentiasa BERLEMBUT dengan PEMBANGKANG, walaupun ramai pemimpin pembangkang yang sewenang-wenangnya melakukan provokasi dan selalu menghasut rakyat dalam ceramah-ceramah mereka

(C) Dulu katakan orang fitnah tiada bukti yang kukuh. Sekarang bukankah agensi kerajaan sudah katakan tiada penyelewengan dalam kes 1MDB? Kenapa kamu mempertikaikan lagi dan terus membuat tuduhan liar? Gelagat kamu sekarang ini bukankah dikecam dahulu oleh kamu sendiri?

<http://chedet.cc/?p=535>

2. Lagi satu, sila beri bukti sahih/kukuh sebelum membuat tuduhan melulu. Kalau setakat membuat tuduhan "standard" seperti Kerajaan korup, SPR korup, tidak bersih, zalim, etc. dan tidak disertakan bukti, siapa-siapa yang TIDAK TAKUT DOSA boleh membuat tuduhan tersebut

(D) Dulu katakan orang menghina mahkamah. Gelagat kamu sekarang ini bukankah menghina perlembagaan (menolak pemimpin yang dipilih secara demokrasi) dan menghina agensi kerajaan (yang melakukan seiasatan)?

<http://chedet.cc/?p=751>

2. Penganjur dan pemimpin PR yang terlibat mesti juga di hukum dengan lebih berat. Mereka juga secara terang-terangan menghina Mahkamah.

(E) Dulu katakan orang merusuh dan memberontak. Gelagat kamu sekarang yang ingin menggulingkan pemimpin dan menghasut orang ramai menyokong deklarasi rakyat itu bukankah dikategorikan sebagai provokasi dan memberontak?

<http://chedet.cc/?p=751>

6. Nik Aziz menyokong perusuh dan pemberontak

(F) Dulu katakan orang mencalar imej kerajaan dan cuba menghuru-harakan negara. Gelagat kamu sekarang bukankah juga mencalar imej kerajaan dan mencetuskan huru-hara?

<http://chedet.cc/?p=751>

7. .... Jadi, mereka cuba untuk mencalar imej BN dengan cuba untuk menghuru-harakan negara. Mereka menggunakan strategi "offensive".....

Perangai pembodek ... benda yang sama apabila dibuat oleh orang lain pembodek memaki hamun katakan orang pengkianat ... apabila benda yang sama dibuat olehnya, pembodek katakan mereka demi bangsa, agama dan negara

5.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Mar 29, 2016 9:16 AM

Salam Tun

Setuju dengan apa daeng kata. And I rasa isu rumah LGE tak menarik langsung. Kalau nak compare dengan kes khir toyo, nampak macam serupa tapi sebenarnya tidak, I bagi example penjual jual rumah kat khir toyol hampir 50% diskaun dari harga beli sementara penjual jual rumah kat LGE untung 12% dari harga beli.

To me sebab tak ada isu cari isu dan nak tutup kes KBS, MARA and 1MDB. Sebenarnya musim election Sarawak ni tiada isu yang menarik. Setakat janji nak buat itu dan ini tapi lepas election buat2 lupa –



tak payah la

And I juga wonder apa jadi dengan MCA, MIC. Senyap. Kalau chua soi lek ada juga kesinisan



nya

6.  [Log in to Reply HBT456](#) Mar 29, 2016 8:12 AM

242. Today, united malay national organization which hold all the ministry portfolio that could crush safety, security, confidence and faith of people regardless who or where they come from.

243. If this mp, today decided to throw eggs because he sees dap, chinese race as isis, terrorists cum extremists, and no action taken against mp like this, meaning if he throws bomb also righteous?

244. What kind of values is umno promoting?

245. Dsn is scared, threatened and slandered like he must be jailed?

246. Violence will only encourage violence.

247. You think you are living in the ancient era?

7.  [Log in to Reply Hajar](#) Mar 29, 2016 7:32 AM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Mohon izin Tun untuk berbicara dengan si 'PakPandi08' (Mar 28, 2016 12:01 PM ) yang membuat tuduhan palsu terhadap saya:

1) Wahai 'PakPandi08', saya rasa anda tersilap orang menuduh saya menyokong BERSIH 4.0. Mungkin anda patut lihat kepada penulisan 2 orang lain. Saya juga TIDAK PERNAH kata saya sokong kehadiran Tun M di BERSIH 4.0.

2) Saya MENOLAK kesemua demonstrasi JALANAN (apa juga bentuk demonstrasi HARAM yang sering-kali Pembangkang adakan yg menyusahkan orang awam) yang dianjurkan BERSIH 'dahulu, kini dan selamanya', tidak kiralah berapa lagi versi yang akan muncul di masa hadapan.

3) Semasa ramai di sini mendesak (mungkin penyokong Pembangkang yg sekarang turut menyokong Tun) Tun M untuk menyertai Bersih 4.0 (Ogos 2015), saya sarankan kepada Tun untuk tidak turut serta kerana tujuan utama BERSIH (sejak dulu lagi) ialah untuk meumbangkan Kerajaan BN/UMNO. Bila masa pula saya menyatakan perasaan TERHARU bila Tun turut hadir di BERSIH 4.0? Sila tunjuk bukti penulisan saya. Saya yakin 100% anda TERSALAH TEMBAK (silap orang). Tun hadir juga, dan itu hak Tun (bukan masalah saya).

/// Sedutan komen saya: Aug 23, 2015 4:15 PM ; sebelum Tun hadir di BERSIH 4.0.  
<http://chedet.cc/?p=1835#comment-126972> (boleh baca di sini – komen penuh)

Dearest YAB Tun,

Tun, please say 'NO' to BERSIH 4.0. Nothing good has ever come out of ALL the BERSIH's demonstrations. What we saw (after each demonstration) were only destructions.

...  
///

<http://chedet.cc/?p=1835#comment-126918> (boleh juga baca di sini)

/// Sedutan pandangan saya pada Sep 14, 2015 10:20 PM tentang BERSIH selepas BERSIH 4.0.

<http://chedet.cc/?p=1862#comment-127565> (Artikel: 'Wahai Ahli UMNO')

2. Perhimpunan / Demonstrasi Haram: Saya menolak demonstrasi jalanan BERSIH (1,2,3,4), dan saya juga menolak demonstrasi jalanan 'Baju Merah'. Yang peliknya apahal pula ada pemimpin2 UMNO yang bersetuju dengan demonstrasi ini? ...

///

4) Boleh juga baca komen2 lain di bawah tajuk 'BERSIH' (tiada komen dari saya di atas kehadiran Tun di BERSIH 4.0 sebab saya tidak setuju dengan tindakan Tun sedari awal lagi; jadi tidak perlu komen; juga bermakna saya BUKAN pembodek Tun M seperti tuduhan anda)

<http://chedet.cc/?p=1857> ('BERSIH' – Penjelasan Tun selepas hadir BERSIH 4.0)

<http://chedet.cc/?p=1857#comment-127372> (Under 'BERSIH' – my comment; not related to BERSIH)

5). Saya juga tidak hadir di 'Kongres Rakyat'. Namun demikian, memandangkan ianya diadakan di tempat tertutup & dibenarkan, tidak ada apa2 masalah di sini (bukan demonstrasi jalanan). Tetapi jika anda bijak (bukan seperti Pak Pandir), sila baca komen2 saya tentang penglibatan 'watak-watak' (Pembangking & yang mereka yang sewaktu dengannya) yang saya tidak percayai dalam "Citizens' Declaration". Bila masa pula saya menyokong mereka (Pembangking)? Saya telah nyatakan kesangsian (rasa kurang senang) saya tentang 'niat sebenar' mereka walaupun semua yang terlibat dikhabarkan menyertai 'deklarasi' sebagai 'warganegara / citizen' (harap2 begitulah).

6) Rumusan saya, ialah anda berasa 'PANAS BONT\*t' (saya masih lagi rasa geli-hati dan nak ketawa terguling-guling bila memikirkan ada 'kawan' anda yang ingat bont\*t ialah "alat pembuangan n\*\*\*s") sebab anda terbukti termasuk dalam kategori PEMBODEK tegar Pembangking @ LGE bila saya menulis mengenai ciri2 pembodek.

7) Kebenaran amat pahit wahai 'PakPakdir08'! Saya kenal anda sudah lama. Anda bukan seorang Melayu dan bersikap rasis serta sentiasa mengutuk/memfitnah Tun M. Anda juga seorang yang suka membuat tuduhan palsu tanpa hujah kukuh / bukti – inilah CIRI2 PEMBODEK tegar yang suka memfitnah pihak yang mereka musuhi tanpa bukti.

8) Please stop making a fool of yourself 'PakPandir08'. Please do not put words into others' mouth. Saya tidak pernah menyokong demonstrasi supaya BN/UMNO ditumbangkan seperti yang BERSIH impikan; begitu juga dengan kebanyakan tuntutan2 BERSIH yang saya lihat seperti meludah ke langit. Diri sendiri pun kotor, tapi mendesak orang lain menjadi 'bersih'. Hipokrit??? Menipu, berbohong, dan memfitnah perkara biasa. Bersihkan dulu diri sendiri...baru boleh cakap banyak. Ini memang sah penyalah-gunaan perkataan 'bersih' – perkataan ini sudah di 'hijack' oleh Pembangking. Kesuciannya telah tercemar.

9) Akhir sekali, terbukti kesangsian saya. 'PakPandir08' mungkin mewakili suara2 pemimpin2 Pembangking yang menyertai "Citizens' Declaration". Ada NIAT LAIN rupanya – sama dengan tuntutan2 BERSIH. Memang tidak boleh dipercayai. Harap Tun M berwaspada (like I said before).

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

8.  [Log in to Reply daeng](#) Mar 29, 2016 6:36 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya ingin menyentuh sedikit isu Lim Guan Eng, Khir Toyo dan Najib.

Bagi saya, semuanya isu menyalahi kuasa dan menggunakan pengaruh semasa memegang kuasa sebagai menteri.

Jika kes Khir Toyo berakhir dengan hukuman penjara, saya rasa sewajarnya Lim Guan Eng juga begitu.

Tetapi kes Najib lagi besar Tun, bukannya sama tetapi beribu-ribu kali besar dari Khir Toyo dan Lim Guan Eng.

la bermula dari kes pembunuhan Altantuya yang belum dihukum secara adil oleh perancangnya, isu 1MDB, isu duit haram RM2.6 bilion masuk dalam akaun Najib hingga kepada Najib menggunakan pengaruhnya dalam siasatan isu 1MDB dan duit haram RM 2.6 bilion masuk ke akaunnya terhadap bekas peguam negara, SPRM, Bank Negara dan organisasi Polis Malaysia.

Inilah skandal terbesar dan salah laku PM sebagai ketua penjawat awam Malaysia yang "kebal" dari kesalahan.

Sewajarnya Tun sebagai rakyat Malaysia menyaman PM dan keberanian Tun wajar dipuji dan kami di belakang tetap menyokong usaha Tun demi kebaikan negara kini dan hari mendatang.

Apa yang bekas menteri lain seperti Ku Li "dayus" lakukan? Pak Lah "lembab" pun serupa dan yang lainnya.

Wassalam Tun.



9. [Log in to Reply](#) **faridina** [Mar 29, 2016 6:10 AM](#)

Assalamualaikum Dearest Tun,

For Tok Jangut,  
who loves proton car because it smells like a Rolls :).

Thank you Sir for the info, I have just watched that Four Corners ABC's news report "State of Fear : Murder and Money in Malaysia" too.

Now for the first time I'm 100% behind you my friend and I totally agreed with you that Pee M Najib should sue ABC because it really defames and maligns Pee M Najib!

Yes, he should also sue WSJ, Sarawak Reports and Al Jazeera too.

Coincidentally today is Tuesday and if you are not aware it's To Sue Day in Malaysia and we wwW seen too many Tuesday and yet still No Sue Day.

By the way my friend your Najib has got no more money left in his personal account as you can see he returned all the balance of the donation to the decease donor and thus he is broke and could'nt afford to sue because this is under his personal capacity not as Prime Minister of Malaysia.

What I'm suggesting to you Mr Filthy Rich Jangut maybe you can sell one of your Rolls Royce to help finance Najib Razak to sue them and to clear his name and you can bill him later after he got that \$140 million in damages.

We Malaysian should all thank you in advance Sir.

Forward, Tok Jangut. I support you.

Thank you and wasalam Tun.

10.  [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** [Mar 29,2016 6:04 AM](#)

Najib dan UMNO dab BN = Terlajak korup + Terlajak sombong + Terlajak kelentong + Terlajak muka tak malu

AG = Terlajak sayang Najib + Terlajak tak ada integriti

IGP = Terlajak duit RM 100,000 + Terlajak memburuk-burukkan budak sekolah

Memang sesuai mereka bertiga ni berkawan.

11.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28,2016 11:35 PM](#)

237. <http://www.malysiakini.com/news/335588>

238. Umno lawmaker ini ingat negara ini lawless?

239. Lu hantam cina dap bermaksud lu pun boleh hantam cina prc, cina roc, cina mca, cina gerakan, cina supp, cina ldp dan cina pap di negara singapura.

240. Sago tetap sago.

12.  [Log in to Reply](#) **sibotak** [Mar 28,2016 10:38 PM](#)

Agreed with Tok Janggut

Ya , Najib Sue them

Sue ABC , Sue WSJ , Sue Swiss AG , Sue everyone that Defame you

We Support yr Courage , Its Legal above all its Halal

The Ball is in yr Court

Whack the Ball , Smack it down

We 1 Malaysia support you

This is yr opportunity to out beat Bill Gates

Opportunity to Win the Heart of every Malaysians


Opportunity to win any on coming elections

Opportunity to Uphold Malaysia

Golden Opportunity to Clear yr Names

A life leader is Dead when his name is Tarnish

Lee Kuan Yew is Dead but his name is Alive

13.  [Log in to Reply](#) **musato** [Mar 28,2016 10:30 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kebetulan hari ini saya membaca sebuah majalah agama di perpustakaan.

Terdapat satu jawapan dari tulisan ustaz berkenaan 'tawassul'. Sebelum itu beliau menulis bahawa biasanya beliau mengelak dari menjawab persoalan tersebut, bukan kerana tidak tahu, tetapi kerana tidak mahu menimbulkan banyak persoalan dan perdebatan.

Tawassul bermaksud menggunakan sesuatu perantaraan untuk meminta pertolongan Allah swt.

Seperti amal soleh 'orang alim' mahupun menyebut sesuatu kebaikan amalan kita sebagai galang ganti untuk meminta pertolongan Allah swt.

Dalil ini perolehi melalui penceritaan berkenaan 3 orang yang terperangkap di dalam gua.

Saya pernah mendengar penjelasan berkenaan tawassul ini di masjid kampung saya. Malah sebelum itu saya juga pernah terbaca melalui penulisan ilmu tasawuf di dalam Utusan Malaysia melalui rencana Yayasan Sofa.

Bagi orang biasa mahupun awam, ada kemungkinan ia memang boleh diperdebatkan.

Dan semoga dengan sedikit perkongsian ini, ia dapat mengelak kita sebagai orang Islam mudah berputus asa. Berputus asa sehingga membawa kepada membunuh diri adalah hukumnya Haram.

Apatah lagi jika tidak percaya kepada Allah swt dan tidak bergantung harap pada Allah swt.

Pada saya, tawassul ini adalah betul dan benar. Saya bagi cop 'adalah benar'. Ini adalah pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Terima kasih Tun.

14.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28, 2016 10:15 PM](#)

233. Even prostitutes, drug traffickers, drug addicts, smokers, drinkers, lgbt, foreign workers or refugees can sue federal government if they are being treated cruelly.

235. Jangan lupa, pada zaman moden ini, mereka pun ada bayar 6% gst, jadi mereka memang berhak sue kerajaan persekutuan di tapak putrajaya jika kerajaan bn kita ada unsur power abuse.

236. Similarly, under tppa trade, if you found guilty of not fulfilling the requirements for example, late payment and non payments of turiya bhd, john hopkins has the basic rights to terminate the agreement.

15.  [Log in to Reply](#) **tok jangut** [Mar 28, 2016 9:48 PM](#)

Wow! I just watched Four Corners Australian Broadcasting Corporation's news report called "State of Fear: Murder and Money in Malaysia".

It really defames and maligns PM DS Najib. Najib should not give them chance but should sue them. Australian and Malaysia have the same defamation laws. Najib should have no problem winning and getting a lot of damages against ABC. These bloody Australians are, like WSJ, waiting to be sued.

Forward, PM DS Najib. I support you. Just sue them.

16.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28, 2016 8:28 PM](#)

226. Even if tdm didnt nod for dsn to replace pak lah, he will be a pm.

227. Why launch personal attacks on dsn and made people feel you are dictator?

228. Since you have closed the coffin by resigning umno, there is nothing worry anymore, let the voters decide.

229. Form pakatan harapan, and get mp to debate in the federal parliament to get approval first before distribute to the wakil rakyat, or dun to debate before implementation.

230. Everything debated will become legal.

231. Also, pakatan harapan does not practise what umno/bn does.

232. Pm is pm, dpm is dpm and fm is fm, so and so.

232. Tdm must make sure fm is not hold by pm if he really want to rebutt to avoid power abuse without knowing.

234. He owes us this deed, and he must make sure he clear this deed because he owed us, the voters who voted him in the past.

17.  [Log in to Reply](#) **sibotak** [Mar 28, 2016 8:14 PM](#)

Pakpandir

Kami membodek Tun kerana Tun dan Kami tidak menegakan benang yg basah

Apa dapat kami ?

Apa dapat Tun ?

Tun seharusnya bersara tapi semangat benar dan tidak menegakan benang yg basah

Maka Tun masih menghulur keris

Begitu juga hujar Laksamana Lee Kuan Yew

Beliau akan Bangkit dari Kubur jika apa yg tak baik berlaku pada Singapura

Ini semangat Perwira

Sudah Terang Jangan di Suluh

Mana ada PM yg dapat derma Peribadi

Derma disalurkan ,di amanahkan demi Ummah , demi Rakyat , demi Negara adalah . Demi Najib amat

tidak masuk akal bagi si Penderma  
Takan ia nak derma peribadi sama Najib  
Takda ke si penderma ini saudara mara , malah tak da ke akal beliau  
bahwa derma beliau perlu di munafatkan antara amalan kita yg masih di terima selepas mati

1MDB ditubuhkan untuk Siapa ?  
Mengapa Malaysia perlu memikul bebannya apabila sudah gagal ?  
Kenapa nak Niaga pakai Modal Bapa  
Dah Terlungkup Nak tutup Malu kononya gunakan wang Ibu pula

Tidakah itu satu Kezaliman terhadap Keluarga sendiri ?

Ini bukan cara nya , Bro  
Tak tahu niaga jangan niaga ,jangan nak berlagak atas titik peluh rakyat Malaysia

Pakai pula penasihat British  
Siapa yg lantik penasihat British ?  
Rakyat lantik UMNO , Bukan lantik Orang British untuk mentakbir Negara  
Takan lah samapai hal rumah tangga awak , awak perlu orang asing menjaganya

Takan sampai Bini kita Nak suruh orang lain Kejut kan  
Eh.....Apa punya jantan ,lah ?

Kesemua perundingan sama Singapura  
Jelas kita di perbudak budakan  
Mereka hari seharai , Bulan sebulan ,Tahun bertahun  
Mengumpul Reserves yg begitu banyak sampai Kerajaan mereka tidak istiharkan pada Rakyat  
Kita , Malaysia Hutang Bertimbun , Tanah di Gadai  
Persiapan Military amat Lemah  
Semasa Najib jadi Menteri Pertahanan sampai Enjin Jet Perjuang kita pun bolih Hilang

Banyak lagi Kegagalan Najib yg saya setuju dengan pandangan Tun  
Lebih teruk dari Paklah  
Paklah baik tapi lemah  
Najib Bodoh lagi Sombong  
Ini antara yg kita tahu , yg tak tahu bagaimana ?

Tun Mahthir Mohamed Tidak Bersekutu dengan sesiapa  
Baik DAP , PKR ,mahupun PAS  
Beliau juga kami bersamping mereka hanya kerana Kebenaran  
Not more nor Less

18.  [Log in to Reply](#) **HBT456** Mar 28,2016 8:11 PM

223. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/03/28/jamil-govt-programmes-can-help-reduce-lgbt-activities/>

224. Its wasting public fund, and many of the programme implemented by putrajaya do not have impact at all.

225. By the end of the day, the political party that loose votes is umno itself.

19.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28,2016 8:03 PM](#)

221. Also, bringing in world famous universities on the soil of malaysia wont make you more american, more chinese, more british, more french or more indian.

222. Whats the point of doing something that the people dont like and loose votes?

20.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28,2016 7:55 PM](#)

213. You want a greater, more equal and fairer malaysia?

21.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Mar 28,2016 7:53 PM](#)

211. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/03/28/johari-bnm-found-administrative-issues-in-1mdb/>

212. It is indeed good news to us.

213. You want a greater or more equal and fairer malaysia?

214. Since m1 resigned, m2 and m3 must resign, dont wait until umno pecat you.

215. 3m now can form pakatan harapan with pkr and dap to deny 2/3 majority of umno/bn.

216. As malaysian politicians, you too contribute taxes and income to the federal government, you prefer to be the shadow government of umno even if they caught power abuse?

217. As long as this new coalition can deny 2/3 majority, there will be alot of excitement, vibrant, dynamics and displine in the market.

218. Why must you build new highways with tunnel here an there?

219. To upgrade state and city roads too by increasing road tax can add value to the image of these roads, and also save lives.

220. We dont need to be world no. 1, all we need is our country is a safe and better place to live, to invest and to migrat and its not hard to achieve at all.

22.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Mar 28,2016 5:50 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

— sambungan laporan;

Kongres Rakyat 2016

27 Mac 2016

Shah Alam Convention Centre

Anjuran Dato' Zaid Ibrahim (syabas dato' program anda berjaya).

Bagi senarai pembahas disenaraikan sebelum ini cuma Tan Sri Sanusi Junid sahaja yang tidak berucap walaupun hadir mungkin kerana tidak berapa sihat dan beliau telah digantikan dengan ucapan Cikgu Kamarulzaman Ketua GKCM.

Turut hadir bonda Tun Dr Siti Hasmah, Tun Ling Liong Sik, Khairuddin Abu Hassan, Marina Mahathir, A.Kadir Jasin dan ramai lagi pejuang2 rakyat yang tidak berganjak dari dewan bermulanya majlis dari 2 ptg sehingga hampir 7 ptg. Kehadiran dianggar sekitar 2,000 orang.

Pengacara majlis pula adalah seorang anak muda yang sangat petah berpidato iaitu Sdr Syed Saddiq.

Bayangkan berada di dewan mendengar 18 orang pembahas berhujah dengan penutupnya ucapnama dari ayahanda Tun sendiri memang menaikkan semangat untuk menyelamatkan negara tercinta ini dari kezaliman rejim Najib Razak.



23. [Log in to Reply](#) **faridina** [Mar 28, 2016 5:48 PM](#)

1. Zaid Ibrahim memulakan bicara selaku penganjur kongres ini. Melihat skandal korupsi paling besar buat Najib dan selaku bekas menteri undang2 di zaman Pak Lah beliau telah menegur Mr Apandi peguam negara. Beliau juga merayu agar sama2 kita berdepan dengan rakyat2 di kampung yang sekarang sedang keliru. Najib mesti undur katanya.

2. Syed Saddiq – mewakili suara anak2 muda begitu bersemangat berucap walaupun pernah dilabelkan sebagai pendebat disko, penjilat, pecacai dan pembodek Tun, TSMY dll. Saddiq menegaskan satu tahun yang lepas beliau adalah penyokong kuat DSN tetapi sejak skandal 1MDB sokongan tersebut ditarikbalik. Saddiq mahu penyertaan pejuang2 rakyat di Sabah & Sarawak ditingkatkan dan mahu rakyat marhaen jangan buta mata dan hati dan bangkitlah. Beliau akhiri dengan sajak Malaysia Boleh.

3. Fahmi Zainol – bekas pemimpin persatuan mahasiswa UM fokus pada nasib dan keluhan mahasiswa. Katanya 744 orang siswa yang berkelayakkan disekat melanjutkan pelajaran ke luar negara kerana JPA menarikbalik tajaan biasiswa. Zaman jadi siswa susah dan lepasan universiti susah dapat kerja dan bila dapat kerja pula terdedah untuk di blacklist kan melalui ccris bila gagal bayar balik PTPN. Istilah cari hingga ke lubang cacing begitu sinonim tapi kena batang hidung pemimpin istilah ini tidak terpakai.

4. Cikgu Kamarulzaman – ketua GKCM penuh semangat berhujah tentang nasib pemimpin2 akar umbi yang sering dizalimi oleh Setiausaha Agung UMNO Kunan sekiranya tidak menyokong Presiden. Beliau hilang hormat pada Kunan katanya. Perihal DSN pula ibarat nahkoda yang tidak boleh ditegur,

sekiranya anda beritahu dia ada bongkahan iceberg di hadapan nescaya dia tak ambil peduli malahan bertanya siapa Kapten sekarang? Saya atau awak?

5. YB Abdullah Sani – yang juga Naib Presiden MTUC paling lantang bersuara dan mendapat perhatian hadirin menceritakan perihal nasib pekerja hari ini dan nasib mereka yang sudah kehilangan kerja tiada pembelaan dari kerajaan. Bebanan GST terkesan

24.  [Log in to Reply](#) **adelheid** Mar 28, 2016 5:48 PM

Dear Tun,

I know this is taboo for the Malay but I can't help but ponder wonder why our rulers raja-raja have been seemingly letting the highly controversial Najib issue just flounder drift along with the current. Maaf cakap tapi they seem to be going with the flow and not against to the effect that the rakyat jelata are left on our own to fight the evildoer/s. Is it because their position as monarch has today become symbolic and ceremonial only? The real power is actually vested in the executive Prime Minister?

Sedih kalau orang Melayu berpayung pada payung (rapuh) yang hakikatnya ada lagi kuasa besar di atasnya iaitu kukubesi PM. Melayu akan marah dan sensitif kalau isu raja dibangkit. Melayu akan cepat menimbulkan isu tergugatnya kaum Melayu. Tapi hakikatnya tiada siapa pun yang akan benar-benar menjaga orang Melayu kecuali diri mereka sendiri. Jangan hanya melihat kepada 'kejahatan' kaum lain tetapi kejahilan diri sendiri tak nampak.

Saya bukan against mana-mana kaum sebab dalam tubuh saya ada darah dua bangsa. Saya tak mahu bila saya mati anak cucu saya dari keturunan Melayu dan Cina berbunuhan sesama sendiri seperti bangsa-bangsa tanah Arab. Kesiannya Malaysia. Masa itu apakah raja-raja kita masih relevan lagi kalau sekarang pun saya terasa yang rakyat jelata terhempas ke sana ke mari dipukul badai tanpa sebarang pembelaan kecuali terbela dengan masih adanya rakyat jelata bernama Dr. Mahathir Mohamad bersama taboo orang Melayu bernama Lim Kit Siang! (Buruk sangatkah LKS? For all we know LKS is much better than Zahid Hamidi, Tunku Razaleigh!). Saya bukan mana-mana ahli parti politik, bukan UMNO, bukan DAP, bukan siapa-siapa pun. Tapi saya didik anak-anak saya agar mennggapai setinggi langit (pendidikan) walaupun dengan duit sendiri; dan jangan membenci sesama kita walau berbagai keturunan!

I love you Tun Mahathir. Do take good care – health and safety wise. You never know what the morons could be capable of!

25.  [Log in to Reply](#) **faridina** Mar 28, 2016 5:34 PM

pada golongan pekerja dan amaran beliau pada DSN jangan sampai Rakyat Pekerja turun ke bawah! Akhiri hujah dengan kenyataan, segala yang baik datang dari Allah s.w.t dan segala yang buruk datang dari Najib dan Rosmah.

6. YB Teresa Kok – memberitahu bahawa sejak isu banglo LGE disensasikan TV3 suku setiap hari menjadikan modal mengalih perhatian rakyat pada skandal DSN. Katanya ruang demokrasi semakin mengecil di negara ini dan berharap sasaran 1 juta tandatangan DR akan tercapai dengan mendekati komuniti dan masyarakat.

7 . YB Mahfuz Omar – mengeneipkan persengketaan antara satu sama lain adalah penting dalam menolak rejim Najib. Beliau mengakui sekampung dengan Tun di mana ayahnya kawan Tun dan Mukhriz teman sepermainannya sewaktu kecil2 dulu. DR bukan deklarasi Dr M dan LKS seperti yang dipusingkan TV3 suku tiap2 hari dan bukan juga deklarasi untuk 30juta rakyat Malaysia tapi adalah deklarasi rakyat untuk puluhan juta anak2 yang bakal lahir di bumi Malaysia! Berhubung dengan skandal 100juta KBS katanya Najib juga melahirkan rasa terkejut dan sedih dengan perlakuan rasuah tersebut tetapi Mahfuz lebih terkejut sebab Najib terkejut ialah apalah 100juta jika dibandingkan dengan 2.6 billion yang pernah Najib ada.

8. Maria Chin – penganjur Bersih 4 turut menzahirkan kekecewaan terhadap perlakuan rasuah di Malaysia dan akan mempertingkatkan kesedaran melalui NGOs.

9. Husam Musa – memulakan hujah dengan sepotong ayat Quran yang menegakkan prinsip keadilan. Kawamin – berdiri tegak dan lurus atas tumit2 yang kukuh dan ka-idun membela orang kurang upaya, wanita dan kanak2 yang lemah. Menarik katanya nasib baik kita hanya ada 1MDB tidak 2,3 atau 4MDB! Kuasa hanya berpusat kepada seorang sahaja Najib Razak. Slogan Husam : Najib must Go – Malaysia can still Grow.

10. Murugesan – bekas setiausaha agung MIC mewakili masyarakat India dengan slogan Better nation for our children, now or never.

11. YB Salahuddin Ayub – juga memetik ayat Quran berkisarkan amanah atau integriti. Action speaks louder katanya sebagaimana Tun M contoh melalui tauladan. Diceritakan kisah Tun Razak sewaktu melakukan lawatan ke kota London di mana Tun Haniff menjadi bodyguardnya waktu itu dan beliau berpesan pada isterinya agar jangan kamu berbelanja melebihi dari wang yang aku beri pada kamu setiap bulan kerana aku malu pada pegawai yang mengiringi aku nanti. Itulah integriti kata Salahuddin. Something is rotten in the state of Denmark now in Putrajaya dan kenyataan integriti I saw Islam in Europe but no muslim.

12. Ambiga Sreenevasan – katakan DSN dialah musuh utama sebab dialah masalah utama. Tak Nak Diktator. Katakan tekan Stop dan Reset button dan bukan Panic button.

13. YB Rafizi Ramli – prinsip beliau mudah 'saya tak kacau kalau kamu tak makan duit rakyat'. Kagum dengan Najib sebab mula2 tak mengaku, lepas tu mengaku terima derma dan kemudian lebih hebat pulang balik derma! Sekarang katanya PM borek Menteri rintik. Jawapan klise Tak Tahu / Tak Sedar. Najib tak

26.  [Log in to Reply faridina](#) Mar 28, 2016 5:30 PM

sedar duit SRC 42juta masuk akaun peribadi dia. KJ pun tak sedar duit KBS kena songlap makanya penyakit tidur dah mula menjangkit dari pak mentuanya Pak Lah. Rafizi banyak mendekati keluhan dan kesusahan rakyat, katanya jangan makan duit rakyat – Tabung Haji, KWSP, KWAP dan terkini LTAT.

Najib dan Rosmah mesti diturunkan dari takhta dengan mengadakan program setiap minggu sampai Najib jatuh. Katanya datanglah beramai2 ke padang MPAJ Pandan Indah jam 8mlm Isnin 28 Mac 2016 untuk ceramah umum Muafakat Selamatkan Malaysia.

14. Mukhriz Mahathir – mantan MB Kedah bercerita perihal nasib penanam padi Kedah dan antara subsidi dan GST. Menceritakan kesanggupan ayahanda Tun memandu lori sarat dengan muatan DR dan menghadap Yang DiPertuan Agung. Akhiri dengan bait2 lagu penuh makna.

15. Mat Sabu – buka bicara dengan pantun dan katanya beliau minat kat TSSJ dan katanya lagi syarat nak janji menteri senang saja seperti kata TSSJ 'kalau PM suka jadilah awak menteri'. Seperti Mahfuz, Mat Sabu mengungkit yang dia ditahan ISA sewaktu Tun jadi PM tapi tidak mengapa kita sekarang sama2 menentang pemimin yang zalim iaitu Najib Razak. Inilah Malaysia tanahairku ISA dihapuskan diganti Sosma dan OSA diperhebatkan. Beliau jemput hadirin sertai perhimpunan tolak GST 2 April 2016 dataran merdeka.

16. YB Lim Kit Siang – merayu selamatkan Malaysia dan memetik kenyataan Nazir Razak lesson must be learnt and scandal of 1MDB never shall happened again. Katanya Claire Rewcastle menjadi orang yang 49 dari senarai 50 orang paling important in the world kerana skandal 1MDB dan 2.6billion.

17. YAB Azmin Ali – katanya hari ini cukup bermakna kerana semua dalam berkumpul dalam kongres rakyat ibarat pelangi berwarna warni dengan perbezaan kaum dan ideologi tetapi tetap bersama demi kecintaan pada negara. Turut berkongsi pengalaman ditangkap, dipukul dan diaibkan sewaktu pemerintahan Tun M tapi katanya "I want to be a better person not a bitter person".

18. TS Muhyiddin Yasin – orang yang paling dekat dengan PM sewaktu menjadi TPM pun tidak dapat bersuara menegakkan kebenaran dan merasa pelik bagaimana pak menteri dan MT boleh berdiam diri walaupun tahu segala kemungkaran ini. Katanya this is the beginning of a long journey! Tapi suka menyatakan setakat ini 100,000 sudah menandatangani DR secara dalam talian dan hard copy. Hari ni pun beliau lihat ramai menandatangani DR di luar dewan.

19. Tun Dr Mahathir – Ucaptama Tun tiada had masa ( yang lain dapat 11 minit setiap seorang ). Seperti biasa ucapan Tun sentiasa dinantikan para hadirin, hujah penuh sindiran dan fakta memenangi hati kami. Tun berasa terhutang budi pada Tun Razak yang telah mengamanahkan kepada Tun Hussein yang sangat amanah untuk memilih Tun M walaupun kedudukannya ditangga tercorot Naib Presiden. Itu sebabnya beliau meminta Pak Lah memilih Najib sebagai mengenang jasa bapanya dan ingatkan perangai Najib mesti sama bapanya tapi meleset. Waktu Najib minta Pak Lah letak jawatan Pak Lah pun elected PM tapi

27.  [Log in to Reply faridina](#) [Mar 28, 2016 5:26 PM](#)

sekarang bila orang minta dia letak jawatan dia kata dia elected PM. Banyak perkara yang telah disentuh Tun M sebagaimana terdapat dalam blog ini dari hal2 Najib takut pada Singapura sampai macam kita jajahan Singapura semuanya mesti dapat kebenaran Singapura terlebih dahulu, suka berkawan dengan negara2 besar macam AS sampai boleh main golf dengan presidennya satu kejayaan luarbiasa baginya, perihal boros berbelanja melebihi pendapatan PM, skandal 1MDB dan derma 2.6 billion dalam kaitan nak bagi duit pada pemakan dedak istilah popular haru ini. Kata Tun M

dedak itu makanan binatang dan kalau kamu makan dedak kamu sama dengan binatang. Sebab itulah mereka ini baik2 belaka perut buncit ibarat 'I speak no evil, I hear no evil, I smell no evil (oppo salah pulak macam binatang je) sebetulnya last I see no evil.' Tertarik dengan cabaran Tun M pada AG Apandi supaya membuat sumpah laknat di mana2 masjid dengan menjunjung Quran dan Tun boleh aturkan tempatnya dan akan hadir sama dan mahu AG bersumpah bahawa Najib tidak sedikit pun terpalit dengan salah laku, salah guna kuasa dan rasuah. Mana tidaknya Apandi dulu cakap kertas siasatan SPRM setinggi dirinya 5 kaki lebih kot tapi selesai cepat dan langsung takde kes? Untuk ucapan penuh saksikan sendiri di youtube.

Akhirnya Tun menzahirkan rasa kagum yang amat sangat pada kami para hadirin yang melekat kat kerusi selama hampir 5 jam menunjukkan komitmen tinggi dan sama2 mahu selamatkan Malaysia.

Semoga kongres ini menjadi satu episod dalam lipatan sejarah dalam menumbangkan Najib.

Terima kasih ayahanda Tun dan semua pembahas yang lain dan sehingga berjumpa lagi.

Wasalam Tun.



28. [Log in to Reply](#) **pakpandir08** [Mar 28, 2016 12:01 PM](#)

Perangai pembodek-pembodek:

HIPOKRIT

– Apa yang orang buat semua itu salah. Namun benda yang sama dibuat olehnya, itu adalah betul

Terlalu ramai pembodek disini, mungkin ambil sahaja salah seorang sebagai contoh. Sebagai contohnya saudara "HAJAR"

(1) Dahulu semasa Tun berbaik dengan PM

- Hajar mengecam bersih 2 & 3 itu kotor, menyeru agar pemimpin pembangkang yang terlibat dalam bersih ditangkap
- Pembodek katakan pembantahan keatas kerajaan itu semuanya berniat jahat, tidak ikut undang-undang dan perlembagaan
